

31 syarikat terima tender

MRT Corp mengumumkan 31 syarikat diberi pra kelayakan membida lima pakej kerja-kerja sistem bagi projek Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) menghubungkan Sg Buloh dan Kajang.



Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid dalam satu kenyataan berkata, 76 syarikat mengambil bahagian dalam aktiviti pra kelayakan antara 9 Jan dan 12 Mac, 2012.

MRT Corp telah memaklumkan semua syarikat yang berjaya menerusi surat rasmi. Semua tender akan ditutup pada 23 Julai, kecuali sistem telekomunikasi dan AFC yang akan ditutup pada 6 Ogos 2012.